

UCHAPAN YANG BERHORMAT MENTERI KESELAMATAN  
DALAM NEGERI KAPADA KURSUS PILEHAN RAYA  
UMNO DI-DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, PADA  
HARI SABTU 16 HB NOVEMBER, 1963.

Saya berasa- sukachita kerana berpeluang dapat memberi serba sedikit penerangan berkenaan dengan pergerakan subersiif'-komunis di-tanah ayer klta dan juga di-Tenggara Asia. Tuan2 terlebih ma'alom bahawa penubohan Malaysia itu telah menimbulkan bangkangan2 yang kuat daripada pehak komunis di-Tenggara Asia dan juga di-seluroh dunia komunis. Oleh sebab mereka sedar bahawa ada-nya sa-sa-buah negeri yang tetap pendi-rian politik-nya dan mewah pada segi ekonomi-nya di-daerah ini, akan menjadi satu halangan yang terbesar di-dalam ranchangan komunis tempatan. Tentangan ini telah berakibat dengan putus-nya perhubungan Diplomatik dengan negara2 tetangga kita, Indo-nesia dan Philipina, dan juga dengan ada-nya satu keadaan huru-hara yang agak akan berpanjangan di-wilayah2 Sabah dan Serawak.

2. Sunggoh pun dasar Komunis pada 'am-nya ia-lah menentang Malaysia dengan sa-oaara mengikut perlembagaan dan menerusi pertubohan2 "United Frontnya", tetapi pehak komunis boleh membangkit sa-barang kachau-bilau di-daerah ini, yang tentu sahaja akan merebak dan membahayakan keselamatan dan ketenteraman negeri ini pada seluroh-nya. Dengan rengkas-nya saya akan chuba membentangkan kapada tuan2 sakalian anchaman2 yang kita di-dalam negeri ini sedang menghadapi, berlebeh2 lagi anchaman yang berbangkit daripada dasar Konfrantasi Indonesia.

M A L A Y A

3. Di-Malaya, pergerakan Komunis bersenjata hanya terdapat di-daerah Sempadan Siam sahaja dan chuma ada 500 orang sahaja komunis yang bersenjata, Tetapi patut kita tahu Party Komunis Malaya sa-balik-nya telah dapat mempengaruhi orang2 Melayu di-Selatan Siam dengan di'ayah2-nya. Ini boleh di-anggap sa-bagai satu kejayaan kapada pehak komunis, sebab sa-belum daripada ini ahli2 Party Komunis hanya terhad kapada satu bangsa sahaja ia-itu bangsa China, dan sa-barang perchubaan mengadakan satu revolusi di-negeri ini tidak-lah akan berjaya sa-lagi komunis tidak dapat menyatukan ka-semua Bangsa yang diam di-sini. Oleh sebab itu kita dapati pada masa ini bahawa tenaga komunis telah di-tujukan dengan sa-penoh2-nya untok mendapat sokongan daripada orang2 Melayu yang beragama Islam dengan menyatakan bahawa dasar2 Agama Islam itu ada-lah sama dengan dasar2 fahaman komunis. Dalam dasar jangka panjang mereka,

komunis berharap akan dapat menggunakan orang2 Islam di-wilayah Siam itu untuk meluaskan lagi pengaruh mereka di-antara penduduk2 Melayu di-Malaysia dan antok sementara waktu ini, di'ayah komunis hanya bertujuan supaya menerangkan kepada orang2 Islam bahawa fahaman komunis itu tidak-lah sa-kall bertentangan dengan dasar2 Agama Islam. Bagitu juga, komunis berusaha untuk memusnahkan sa-barang kepercayaan dan ta'at setia orang2 Melayu kepada Kerajaan Perikatan. Saya fikir di-dalam tugas mereka itu, Party Komunis Malaya tentu sahaja akan mendapat sokongan yang kuat daripada Party Komunis Indonesia (P.K.I.). Pergerakan komunis dalam lapangan ini sedang mendapat perhatian Kerajaan dan langkah yang sa-suai akan di-ambil untuk menentang-nya.

Mari-lah kita pandang balek beberapa tahun yang lampau, yang saya fikir maseh lagi dalam ingatan tuan2 sakalian. Pada tahun 1955 Party Komunis Malaya telah mengaku kekalahan di-dalam pergerakan bersenjata-nya, dan sejak daripada itu telah dengan giat-nya menumpukan segala tenaga supaya mereka mendirikan pertubohan2 yang haram di-mana2 sahaja sa-suai untuk kepentingan mereka. Guna-nya pertubohan2 yang sa-macam ini ia-lah untuk mengeluarkan ahli2 komunis yang berpengalaman untuk diseludup masuk ka-dalam badan2 politik, buroh, pelajaran dan juga kebudayaan. Dengan ini pehak komunis berharap supaya dapat menggunakan badan2 yang saperti itu untuk mempengaruhi ra'ayat jelata sakalian di-Malaya. Mithal-nya pehak komunis telah berjaya memasoki dan mempengaruhi Party Front Socialist Malaya. Sa-balek-nya pehak komunis telah tidak berjaya dalam usaha mereka untuk mempengaruhi Party2 Politik yang berchorak kanan, terlebih lagi Party Kebangsaan Melayu. Bagitu juga mereka tidak berjaya dalam usaha mereka untuk menyeludup masuk ka-dalam Persatuan2 Sa-kerja di-Malaya dan mempengaruhi ra'ayat jelata kita di-kampong2. Pada 'am-nya, pengaruh anasir2 komunis di-sekolah2 di-Malaya tidak-lah bagitu merebak. tetapi ada juga penuntut2 dalam sekolah China "Middle School" telah di-dapati banyak terpengaruh oleh anasir2 itu.

5. Berpaling kepada Negara tetangga kita, Indonesia, baharu2 ini Kerajaan telah mendapat tahu bahawa Party Komunis Indonesia (PKE) melalui pertubohan2 yang di-bawah naongan-nya, telah melateh beberapa orang Ketua2 Politik sayap kiri dari Malaya. Apabila balek ka-Malaya mereka ini di-tugaskan untuk bergerak di-kalangan orang2 Melayu di-kampong2 dengan tujuan, saperti yang saya sebut dahulu, untuk memalingkan rasa ta'at-setia mereka kepada Kerajaan yang ada pada masa ini. Bersamag dengan itu Kerajaan juga tahu bahawa beberapa orang Bangsa Indonesia telah menyeludup masuk ka-Singapura dan Malaya untuk mengarah pertubohan2 bawah tanah di-Malaya dalam tugas2 haram mereka.

S I N G A P U R A

6. Singapura ada-lah salah satu daripada sasaran yang terbesar sa-kali bagi pergerakan subersif komunis. Pada masa ini ada di-ketahui bahawa satu pertubohan komunis di-bawah tanah ada bergerak dengan giat-nya di-Singapura. Pihak komunis telah memilih Barisan Socialist sa-bagni saloran untuk memanjangkan pergerakan "United Front" mereka di-sana. Di-samping itu mereka juga menyeludop masok beberapa persaiuan sa-kerja, University Nanyang dan juga beberapa sekolah2 China. Pada awal tahun ini pergerakan komunis di-Singapura telah di-gendalakan apahila 100 lebeh daripada anasir komunis di-sana telah di-tangkap, dan pada masa yang lampau ini Kerajaan Pusat telah mengikuti pula dengan menahan beberapa orang anasir komunis daripada University Nanyang dan Barisan Socialist. Tetapi ini bukanlah berma'ana bahawa anchaman komunis di-Singapura itu telah hapus, sa-balek-nya maseh banyak lagi pengikut2 komunis di-kialayak orang ramai di-Singapura.

S A R A W A K

7. Di-Serawak anchaman yang terbesar sa-kali ia-lah anchaman daripada pergerakan yang di-namakan "Communist Clan-destine Organisation" (CCO), yang ada sa-banyak 1,000 orang ahli2 yang aktif (active) bersama itu, CCO ada juga ahli2 yang bersenjata sa-banyak 3,500 orang, yang di-ambil daripada ahli2 pertubohan dan juga penyokong-nya. Banyak daripada ahli2 pertubohan serta penyokong2 CCO datang-nya dari orang China yang tinggal di-sakeliling bandar2 di-Serawak, saperti Sibu dan Kuching. Pertubohan Komunis di-Serawak chukup giat dalam pergerakan-nya dan telah juga dapat menyeludop masok, saperti yang terdapat di-wilayah2 lain, pertubohan2 politik, kesatuan2 sa-kerja dan sekolah2. CCO telah pun mula melatehkan ahli2 dan penyokong2-nya dalam soal perang gurilla di-Serawak dan juga di-wilayah Indonesia, di-bawah urusan pelateh2 bangsa Indonesia. Di-dalam tugas mereka itu, CCO di-sokong bukan sahaja oleh pihak Party Komunis Indonesia, tetapi juga oleh pihak Angkatan Tentera Indonesia, dengan ada-nya perhubungan rapat antara pihak CCO dan Indonesia di-sempadan wilayah Serawak sudah tentu-lah pencerobohan masok ka-wilayah Serawak akan terus di-lakukan dan barangkali juga akan bertambah2 lagi. Saya suka hendak menya-takan juga bahawa perbalahan tentang Malaysia telah memburokkan perhubungan di-antara bangsa2 yang diam di-Serawak, yang tentu sahaja akan berakibat burok.

S A B A H

8. Di-Sabah tidak ada di-dapati sa-barang perhubungan

subersif komunis dan keadaan nampak-nya ada lebeh baik daripada yang terdapat di-Serawak. Sunggoh pun bagitu, pencherobohan masok daripada Indonesia ada juga berlaku, bersama2 dengan rompak-samun di-sa-panjang pantai. Perompak2 ini ia-lah bangsa SULU yang merayau2 dan menakutkan nelayan2 dan kapal2 kechil perniagaan di-Gugusan Pulau2 Sulu Barat.

9. Tentangan daripada Indonesia terhadap Malaysia bukan sahaja datang-nya daripada Party Komunis Indonesia, tetapi juga daripada kalangan2 yang ternama, yang berasa iri hati dengan kemewahan negeri ini. Mereka takut kalau2 kema'moran yang kita; chapai itu akan membangkitkan rasa tidak puas hati dengan Kerajaan di-antara orang2 Indonesia. Tetapi patut-lah di-ingatkan bahawa tentangan yang terbesar-nya datang dari PKI dan tentangan ini merupakan satu anchaman yang besar kapada keselamatan dan ketenteraman wilayah2 Malaysia. Kerajaan Pusat, yang bertanggungjawab dalam soal keselamatan dalam negeri, telah berusaha dengan sa-daya upaya untok menentang anchaman ini dan menghapuskan-nya sama sa-kali.

10. Tuan2 terlebih ma'alum bahawa Kerajaan baharu2 ini telah memberi perintah kapada ra'ayat-jelata sakalian di negeri ini berjaga2, supaya dapat-lah mereka itu menentang sa-barang akibat yang berbangkit daripada tentangan Indonesia terhadap Malaysia yang berpanjangan ini. Kerajaan telah pun memula menambahkan Angkatan Tentera-nya, Pasokan Pulis Hutan dan juga Pasokan2 Kawalan Sempadan ( Border Scout ) dan Pasokan2 Suka-rela. Tugas yang berat ini telah di-serahkan kapada sa-buah Jawatan-Kuasa Kabinet yang bernama "National Defence Council" yang ditubuhkan baharu2 ini,, Saya rasa bahawa Undang2 yang ada di-sisi Kerajaan, buat sementara waktu ini, chukup untok menentang sa-barang anchaman kapada keselamatan negeri ini, yang berbangkit daripada pergerakan subersif komunis. Saya suka juga hendak menyatakan bahawa Pasokan Keselamatan tidak dapat bertugas dengan yakin dan dengan sa-baik2-nya kalau mereka itu tidak dapat sokongan yang sa-penoh-nya daripada ra'ayat sakalian. Sa~betul-nya pergerakan komunis subersif susah sadikit hendak dilihat dengan mata kasar, tetapi ada berjalan dengan giat-nya dari sa-hari ka-sahari di-dalam negeri ini. Oleh sebab itu ra'ayat-jelata sakalian patut-lah seliau berjaga2, dan mengadu sa-barang pergerakan komunis subersif komunis yang nyata kapada mereka ka-pejabat pulis yang berdekatan dengan sa-berapa segera yang mungkin. Langkah menentang gerakan subersif komunis ini bukan-lah patut di-jalankan oleh Kerajaan sahaja, tetapi patut-lah menjadi tugas yang terutama bagi tiap2 penduduk di-negeri ini. Berlebeh2 lagi dalam masa yang agak genting ini, ra'ayat-jelata sakalian patut-lah selalu di-dalam keadaan bersedia, mithal-nya penduduk2 di-tepi2 pantai. patut-lah berjaga2 supaya

tidak dapat-lah sa-barang orang luar memasoki negeri ini dengan jalan haram. untok melakukan pergerakan yang mengancam keselamatan negeri kita ini. Sa-terus-nya kita patut-lah berjaga2 tentang orang2 luar biasa atau yang tidak di-kenali yang bergerak di-antara kita, sebab mereka itu barangkali juga ada-lah anasir2 daripada musuh kita yang di-hantar ka-negeri ini untok menimbulkan kachau-bilau. Kalau tuan2 sakalian berasa ragu2 tentang ada-nya orang yang tidak di-kenali di-antara tuan2, perkara ini patut-lah di-bawa kapada perhatian pegawai2 pulis yang berdekatan.

11. Untok menutup perchakapan saya ini, saya suka hendak mengingatkan bahawa di-dalam masa yang sa-pendek2-nya sejak kita menchapai kemerdekaan, negeri kita telah menjadi sa-buah negeri yang mewah dan ma'mur dan ra'ayat-jelata-nya hidup dalam aman dan tenteram.. Dalam masa tiga tahun sahaja kita telah dapat menewaskan gerakan komunis bersenjata. Untok melanjutkan lagi kemewahan yang kita neikmati pada masa ini, ra'ayat-jelata sakalian patut-lah memberikan Kerajaan rasa ta'at setia yang tidak berbelah bagi dan bersedia untok berkorban jiwa mereka untok mempertahankan negeri ini daripada musuh2 kita. Se-kali lagi saya suka hendak menyerukan kapada semua ra'ayat negeri ini supaya bersatu-padu dalam menentang anchaman yang kita hadapi pada masa ini.

\*\*\*\*\*